

# Orang Asli Kuala Koh harap air kembali bersih

B/HARIAN 2/7/19

ms 54

**Gua Musang:** Masyarakat Orang Asli suku Batek di Kampung Kuala Koh, dekat sini, mengharapkan air sungai di kampung berkenaan kembali bersih selepas aktiviti perlombongan di lokasi berkenaan dihentikan 11 Jun lalu.

Kebanyakan penduduk menyambut baik tindakan tegas kerajaan negeri yang menga-

mbil langkah segera dengan menyita aktiviti perlombongan haram yang mencemarkan air sungai.

Tinjauan di lokasi mendapati, aktiviti perlombongan bijih beroperasi secara haram berhampiran Kampung Kuala Koh sejak dua tahun lalu kini sunyi.

Penghulu Orang Asli Kampung Kuala Koh, Mohamad Pokok, 40, berkata kesan perlombongan bijih haram selama ini mampu mencemarkan air sungai.

Katanya, ia juga memberi kesan jangkitan penyakit kepada

masyarakat itu yang menggunakan air sungai bagi keperluan harian.

“Kami lega apabila perlombongan bijih itu sudah diambil perhatian dan tindakan kerajaan negeri dengan menutupnya,” katanya.

Akhbar semalam melaporkan, aktiviti perlombongan bijih di Kuala Koh sudah disita sejak 11 Jun lalu.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, berkata ia berikutan syarikat berkenaan tidak mendapat kebenaran da-

ripada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Sementara itu, guru agama Orang Asli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Kampung Kuala Koh, Mohd Fadzli Mahmok, berkata sudah lama penduduk tidak senang dengan perlombongan bijih di kawasan itu.

“Justeru kami mahu kawasan berkenaan dipantau dari semasa ke semasa bagi mengelak beroperasi secara haram,” katanya.

**Aktiviti di kawasan perlombongan bijih berhampiran Kampung Kuala Koh, Gua Musang didapati kini sunyi.**

[Foto Ramli Ibrahim/BH]

